

UTHM Holdings, UMS Link jana kekuatan bersama terajui kecemerlangan ilmu

06.02.2011 NST 5

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) Link Holdings Sdn. Bhd (ULink) dan Universiti Tun Hussein Malaysia (UTHM) Holdings Sdn. Bhd. memeterai perjanjian persefahaman (MoU) bagi menggabungkan kekuatan menjana kecemerlangan ilmu dan perolehan ekonomi dalam negara dan di rantau Asia Tenggara.

Kecemerlangan akademik dan perolehan ekonomi diharap dapat dicapai melalui kaedah saling melengkapkan sumber-sumber kekuatan sejia ada antara kedua-dua universiti itu.

Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin berkata dalam bidang penyelidikan, adalah didapati bahawa UTHM memiliki kekuatan dalam dua bidang utama iaitu Sains Komputer dan Kejuruteraan.

Manakala ULink melalui kepakaran ilmu pengetahuan daripada UMS memiliki kekuatan dalam bidang Sains Sosial dan Sains Tulen seperti biologi dan marin.

"Kesimpulan tersebut diperolehi setelah melakukan tinjauan terhadap semua universiti di Malaysia. Oleh itu, UTHM dan UMS memiliki kekuatan yang tidak bertindih dan itu boleh digabungkan menjadi satu kekuatan untuk memperolehi hasil ekonomi bersama yang baik untuk kemajuan negara," katanya.

Noh berkata demikian dalam satu temubual eksklusif di Kota Kinabalu baru-baru ini mengenai MoU antara UTHM Holdings Sdn. Bhd. dan UMS Link Holdings Sdn. Bhd. yang ditandatangani di Batu Pahat, Johor, pada 29 Oktober lepas.

Noh bersama rombongan berada di Kota Kinabalu dalam rangka kerja susulan daripada MoU itu.

Semasa majlis menandatangani MoU itu, UTHM diwakili Pengarah Urusan UTHM Holdings, Dr. Baharuddin Mohamed manakala UMS Link diwakili Pengarah Urusan Kumpulan UMS Link, Prof. Dr. Roselina Ahmad Saufi.

Menyaksikan upacara menandatangan ialah Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Sri Sufri Haji Mohd Zin dan Pengurusi Kumpulan, UMS Link Holdings Sdn. Bhd., Datuk K.Y. Mustafa.

Turut hadir, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin yang juga Naib Canselor UTHM.

"Gabungan kekuatan kedua-dua pihak memberikan keyakinan untuk meneroka potensi-potensi yang boleh dikembangkan.

Umpamanya UTHM boleh belajar dari UMS yang sudah jauh berada di hadapan dalam menarik kemasukan pelajar antarabangsa.

Manakala UTHM boleh menawarkan lebih banyak ke-

masukan pelajar dari Sabah dalam bidang kejuruteraan supaya graduan kejuruteraan UTHM boleh disebarluaskan, tidak tertumpu kepada pelajar di sekitar universiti sahaja," kata Noh.

Dalam aspek perancangan, Prof Dr Roselina melihat bahawa UMS Link memiliki program yang lebih menjurus kepada pengurusan dan soft-skill manakala UTHM lebih kepada program-program kejuruteraan dan teknikal.

"Kita mahu menggabungkan kekuatan untuk mengatasi kelemahan," kata Roselina sambil menyatakan bahawa pihaknya mahu memperkembangkan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Sarjana Pengurusan Modal Insan melalui kolaborasi kedua-dua entiti perniagaan universiti tersebut.

Itu kerana menurut Roselina, Sarjana Pengurusan Modal Insan hanya ditawarkan di UMS dan kandungan pengajaran itu adalah berbeza dengan Sarjana Pengurusan Sumber Manusia.

Roselina juga berharap melalui MoU itu akan dapat membangunkan satu sistem pengurusan syarikat melibatkan pelbagai aspek seperti governan, IT, pengurusan audit, dan risiko kerana kebanyakannya syarikat-syarikat universiti belum mempunyai satu sistem pentadbiran yang mantap.



PERSEFAHAMAN ... Baharuddin (kiri) dan Roselina (kanan) menandatangani MoU UTHM Holdings dan UMS Link di Batu Pahat, Johor disaksikan Noh Dalimin, Sufri dan KY Mustafa.



PENGHARGAAN ... Noh Dalimin menyampaikan cenderamata kepada Sufri Mohd Zin yang mewakili Pengurusi Lembaga Pengarah UTHM.

"Saya berharap MoU itu dapat menggembung usaha memajukan perniagaan universiti kerana sebagai entiti perniagaan, kita perlu meningkatkan perolehan kewangan dan dengan adanya kedudukan kewangan yang kukuh usaha menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan meningkatkan ekonomi negara dapat dilakukan."

"Kita perlu mewujudkan keseimbangan dalam meningkatkan kecemerlangan pendidikan dan pada waktu yang sama menarik dana untuk universiti," katanya.

Sementara itu, Noh Dalimin melihat bahawa yang penting untuk menubuhkan syarikat dalam universiti ialah pertama dapat menjana pendapatan dan kedua dapat melaksanakan tanggungjawab

sosial.

"Dalam menjana pendapatan kepada universiti, kerajaan mensasarkan bahawa pada suatu ketika nanti, peratusan peruntukan kerajaan dapat dikurangkan di mana sekarang ini kebanyakan universiti bergantung 90 peratus peruntukan dari kerajaan dan hanya 10 peratus dapat ditampung dari yuran pengajian."

"Dalam menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat, kita mendapat dalam universiti tidak terdapat peruntukan belanja mengurus yang boleh dipakai untuk tujuan itu tapi bila ada syarikat, tanggungjawab sosial boleh diletakkan di bawah syarikat universiti dengan peraturan-peraturan penggunaan wang yang ada," kata Noh.

Beliau yakin, apapun ker-

jasama antara dua universiti sudah pasti dapat membuka peluang yang lebih baik untuk mengoptimalkan kegiatan.

"Mengikut Laporan Audit Negara yang dibentangkan di Parlimen, UTHM Holdings dan UMS Link adalah di antara syarikat-syarikat IPTA yang berjaya mendapatkan keuntungan, tidak pernah rugi dari mula ditubuhkan sehingga sekarang."

"Jadi mestilah ada resepi-resepi yang boleh kita kongsi," kata Noh sambil menjelaskan bahawa perkiraan audit itu adalah bagi kategori syarikat-syarikat semua universiti termasuk yang ditubuhkan sebagai badan-badan berkanun kerajaan. —

OLEH MARRYAN RAZAN
—marryan@newsabah-times.com.my



KERJASAMA ... Pengurusan UTHM Holdings dan UMS Link bergambar bersama selepas majlis menandatangan MoU.